



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Empat individu berjaya elak jadi mangsa penipuan
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 26 October 2018

Language: Malay
Section: Tempatan
Page: 2

Empat individu berjaya elak jadi mangsa penipuan

KUCHING: Empat individu bernasib baik apabila mereka berjaya mengelak daripada menjadi mangsa penipuan 'Macau Scam'.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Superintenden Mustafa Kamal Ganu Abdullah berkata, tiga daripada laporan itu melibatkan in-

dividu menyamar sebagai pegawai polis.

Menurutnya suspek menuntut wang daripada pengadu selepas didakwa terlibat dalam tiga kemalangan langgar lari berasingan di Sabah.

"Ketiga-tiga pengadu iaitu seorang pesara guru berusia 61 tahun, seorang

pekerja luar pesisir berusia 31 tahun di Miri dan seorang guru berusia 27 tahun dari Padawan.

"Kesemua mereka berjaya mengelak daripada ditipu sindiket 'Macau Scam'," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Sementara seorang lagi

pengadu katanya merupakan seorang suri rumah berusia 45 tahun di Sibu yang menerima panggilan daripada penipu yang mendakwa dirinya peguam untuk meminta pinjaman kenderaan yang tertunggak.

Beliau berkata, panggilan pertama yang diterima

suri rumah berkenaan pada 22 Oktober apabila pemanggil mula menuntut bayaran sebanyak RM5,000.

Katanya ia diikuti dengan dua panggilan lain iaitu pada 23 Oktober di mana pemanggil minta bayaran RM7,500 dan RM2,000.